

Muhyiddin sifatkan banjir serius punca bantuan sukar dihantar kepada mangsa

# Bekalan sardin, beras ditambah

kosmo 27/12/14 MS 3

**KOTA BHARU** - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengarahkan keperluan aset air, udara dan darat dipertingkatkan bagi membantu serta menyelamatkan mangsa banjir di Kelantan.

Muhyiddin berkata, arahan itu diputuskan setelah beliau mendapat taklimat terkini tentang bencana alam itu di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan Chepa di sini semalam.

“Daripada taklimat, kita dapati ia masih tidak mencukupi kerana banjir ini di luar jangkaan. Bot yang disediakan mungkin tak cukup, helikopter telah kita sediakan tujuh... bilangan itu masih tidak memadai.

“Saya beri arahan supaya aset seperti helikopter, bot tambahan diuruskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN),” kata beliau kepada pemberita selepas melawat pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan Pengkalan Chepa 1 dekat sini semalam.

Muhyiddin yang menyifatkan banjir itu sebagai amat serius turut mengarahkan agar stok barangan keperluan seperti makanan dipertingkatkan di semua pusat pemindahan sementara (PPS) iaitu daripada keperluan untuk tiga hari kepada seming-

## INFO Jumlah mangsa banjir setakat pukul 9 malam tadi

Negeri	Jumlah
KELANTAN	45,467
TERENGGANU	34,109
PAHANG	33,324
PERAK	6,335
JOHOR	896
PERLIS	209
N. SEMBILAN	115
SELANGOR	9
KEDAH	1
<b>Jumlah</b>	<b>120,465</b>

gu, antaranya bagi mengelakkan masalah kekurangan bekalan.

“Bekalan makanan sebenarnya mencukupi, cuma penyampaian makanan ke pusat pemindahan banjir menghadapi banyak cabaran kerana kawasan banjir tidak boleh dilalui kerana air deras dan laluan udara cuaca tak menentu,” katanya.

Beliau berkata, jenis barangan yang akan ditambah termasuk sardin, beras, telur dan keperluan lain.

Selain itu, MKN juga diminta untuk membeli sebanyak mungkin *power bank* bagi kegunaan pihak urusetia di setiap pusat pemindahan agar komunikasi menggunakan telefon pintar



MUHYIDDIN menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir ketika melawat pusat penempatan banjir di Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa 1, Pengkalan Chepa semalam.

tidak terjejas.

Sementara itu, di Kuantan, Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan memberitahu, Kementerian Pendidikan akan membuat pengumuman mengenai penangguhan sesi persekolahan tahun 2015 bagi negeri-negeri yang terlibat dengan musibah banjir dalam masa terdekat.

Menurut beliau, perkara tersebut akan diputuskan seju-

rus selepas mesyuarat khas diadakan membabitkan pegawai Jabatan Pendidikan di setiap negeri.

Sesi persekolahan 2015 di Kedah, Johor, Kelantan dan Terengganu dijadualkan 4 Januari manakala Pahang, Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Sabah, Sarawak, Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya pada 5 Januari.

## INFO Langkah diumumkan TPM bantu mangsa banjir

### Pahang

- Stok makanan dan barangan keperluan asas di seluruh pusat pemindahan mangsa banjir di Kuantan, Lipis, Maran, Jerantut dan Pekan ditambah
- Mengarahkan persiapan banjir di Pekan dipertingkatkan dari tiga hari kepada lima hingga tujuh hari. Begitu juga di daerah-daerah lain
- Jabatan Kebajikan Masyarakat disaran segera menghantar barangan keperluan seperti sardin, beras, telur dan keperluan lain kepada mangsa banjir
- Sesi persekolahan untuk sekolah terjejas termasuk yang dijadikan pusat pemindahan mungkin ditangguhkan

### Kelantan

- Mengarahkan keperluan aset air, udara dan darat dipertingkatkan
- MKN diminta membeli sebanyak mungkin *power bank* bagi kegunaan pihak urusetia di setiap pusat pemindahan
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan diminta mempertingkatkan bekalan minyak diesel di kawasan kritikal termasuk hospital yang terjejas
- Menyeru kerajaan negeri bersama-sama membantu kerajaan pusat dalam menangani isu banjir di negeri Kelantan